



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **1 Feb 2021 (Isnin)**

#### **Berita Harian**

Maklum PKD kes positif dalam tempoh 24 jam	1
Tindakan salahkan klinik, hospital swasta tidak adil	2
Sultan Selangor mahu bangunan bersejarah dipulihara	3
Manfaat kreativiti teknologi seni bina tangani impak banjir	4
Hasil siasatan dibawa ke JAKIM	5

#### **Utusan Malaysia**

Pengisytiharan Wilayah Persekutuan	6
KL dari kaca mata perantau	7
Pelanggan terkejut Aina Mardhiah tukang rumah	8
PKP: Jangan ganggu, susahkan peniaga	9

#### **Harian Metro**

Sultan titah perhebat usaha pulihara bangunan bersejarah	10
Buka pasar tani secara berperingkat	11
Perdagangan luar Malaysia catat prestasi baik susulan ekonomi progresif	12

#### **Kosmo**

JAIS gesa orang ramai jangan buat telahan awal	13
Ritual dibuat di Pulau Besar	14
Pelaksanaan TLK berbayat ditangguh	15

#### **Sinar Harian**

Pulihara bangunan bersejarah di KL	16
------------------------------------	----

#### **Astro Awani**

Pelihara Dan Pulihara Bangunan Bersejarah	17
---	----

#### **Berita Harian Online**

Sultan Selangor titah bangunan bersejarah di Kuala Lumpur dipulihara	18
--	----

#### **Bernamea Radio 24**

Pasar Tani Akan Dibuka Secara Berperingkat	19
Pasar Tani Akan Dibuka Secara Berperingkat	20
Pasar Tani Akan Dibuka Secara Berperingkat	21

#### **hmetro.com.my**

Pasar tani Selangor dibuka secara berperingkat	22
Pemuliharaan bangunan bersejarah perlu lebih intensif	23

#### **Malaysiakini (Bahasa)**

MMA mahu sistem pelaporan kes Covid-19 diperbaiki	24
Noor Hisham: Lonjakan angka sebab kes lama lewat dilapor	25

#### **Nasional FM (87.7)**

Pulihara Bangunan Bersejarah : Sarat Nilai Sejarah, Pusat Pelancongan	26
---	----

#### **RTM1**

Pulihara Bangunan Bersejarah : Sarat Nilai Sejarah, Pusat Pelancongan	27
---	----



### **Sinar Harian Online**

'Hanya ada 2 pilihan: Letak jawatan atau pecat Azmin'	28
Peniaga tak perlu pindah, kekal hingga tapak siap	29
Sultan Selangor mahu bangunan bersejarah dipulihara	30
Tidak adil salahkan klinik dan hospital swasta: MMA	31
Tommy Thomas dakwa Dr Mahathir tak setuju Wan Azizah jadi PM	32

### **Utusan Malaysia Online**

Hayati sikap pemimpin berkorban kepentingan demi kebaikan Mufti Wilayah	33
Jangan ganggu peniaga raih pendapatan Noh Omar	34

### **The Star**

ASSESSMENT TAX	35
BULK WASTE	36
Do more to conserve historical buildings in KL, says Ruler	37
Only 20 adults allowed into Klang crematoriums at a time	38

### **New Straits Times**

'ASSESS COVID-19 RISK AT WORKPLACES'	39
'WHY BLAME PRIVATE CLINICS?'	40

### **Malaysiakini (English)**

MMA blasts blame game over Covid-19 cases, wants apology	41
--	----

### **New Straits Times Online**

Not the time for Selangor MB to point finger	42
Selangor Sultan calls for preservation of state-related KL historical buildings	43
Unfair to blame private clinics, hospitals for late Covid-19 case reporting	44

### **The Malay Mail Online**

After private clinics and hospitals blamed, Health Ministry admits to delay in Covid-19 reporting	45
MMA cries foul over Selangors threat to penalise private healthcare facilities for late Covid-19 reporting	46
Selangor exco says 22 farmers markets in state to reopen in phases	47

### **The Star Online**

MITI: Malaysia's external trade to remain modest in 2021, exports to rebound by 2.7%	48
No relocation for Bandar Sg Long morning market	49
Selangor Sultan urges for better conservation of KL heritage buildings, many indelibly linked to state	50
Urgent need to rectify Covid-19 reporting system, says MMA	51

### **Traxx FM (90.3)**

The Sultan ordered the maintenance of a building related to Selangor	52
--	----

### **China Press**

A merchant complained that the ditch was blocked after he discharging food waste into the drain.	53
--	----

### **Nanyang Siang Pau**

Old morning hawkers can do business at original address until the new market complete	54
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**1 February 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Maklum PKD kes positif dalam tempoh 24 jam
Muka Surat	:	4

*Penularan COVID-19*

# Maklum PKD kes positif dalam tempoh 24 jam

Bantu pemudah cara kawalan, pencegahan dalam komuniti

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua kes positif COVID-19 perlu dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran, dalam tempoh 24 jam bagi memudahkan cara tindakan kawalan dan pencegahan dalam komuniti dilakukan.

Susulan itu, mereka yang positif diminta menyampaikan maklumat berkenaan kepada semua pengamal perubatan di klinik, hospital dan makmal kerajaan serta swasta yang terbabit dalam menjalankan ujian dan pengurusan kes COVID-19 serta lain-lain penyakit berjangkit bagi membolehkan ia disalurkan segera kepada PKD.

Dalam surat edaran dikeluarkan Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan (KKM), menjelaskan kegagalan mematuhi arahan itu boleh di-



**Semua kes positif COVID-19 perlu dimaklumkan kepada PKD berhampiran dalam tempoh 24 jam.** (Foto hiasan)

kenakan penalti mengikut peruntukan Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) iaitu penjara tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Katanya, notifikasi itu perlu dibuat pengamal perubatan mengikut Subseksyen 10(2) Akta 342 berkenaan.

"Atas keperluan itu juga, setiap borang permohonan ujian makmal berkenaan perlu dicop dan ditandatangani pengamal perubatan berdaftar bagi tujuan notifikasi," katanya.

Surat arahan bertarikh 28 Di-

seMBER lalu itu ditandatangani Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM, Datuk Dr Chong Chee Kheong.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata peningkatan mendadak kes COVID-19 di Selangor khususnya yang diumumkan KKM semalam, antara lain disebabkan *backlog cases* atau kes tertunggak.

Kes berkenaan adalah daripada saringan pekerja kilang, penjara dan di klinik serta hospital swasta yang tidak dilaporkan secara terus ataupun *real time*.

Sehubungan itu, Pakar Perun-

ding Perubatan Kesihatan Awam, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM, sudah mengeluarkan arahan segera kepada semua PKD di Selangor membuat notifikasi dalam tempoh ditetapkan.

Katanya, mereka perlu membuat notifikasi bagi kes disahkan dan berkemungkinan positif melalui sistem dalam talian e-Notifikasi KKM dalam tempoh 24 jam selepas keputusan sampel *nasopharyngeal swab* diterima.


Surat arahan kepada semua PKD Selangor itu dikeluarkan pada 26 Januari lalu.





**KERATAN AKHBAR**  
**1 February 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tindakan salahkan klinik, hospital swasta tidak adil
Muka Surat	:	4



**Malah, jika benar berlaku kelewatan melaporkan kes positif COVID-19, mengapa tiada tindakan diambil terhadap pihak kesihatan swasta ini. Di manakah penguatkuasaannya?**

**Dr Subramaniam Muniandy,**  
*Presiden MMA*

## Tindakan salahkan klinik, hospital swasta tidak adil

**Kuala Lumpur:** Tindakan hanya menyalahkan klinik dan hospital swasta kerana tidak melaporkan kes positif COVID-19 secara terus pada hari sama melalui Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA), disifatkan sebagai tidak adil.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr Subramaniam Muniandy, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) sebaliknya harus menambah baik sistem kesihatan sedia ada terutama membabitkan proses pengesanan kes COVID-19.

"MMA turut berkongsi kebimbangan seperti yang dinyatakan Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Amirudin Shari), namun kami berasakan adalah tidak adil menyalahkan klinik dan hospital swasta semata-mata sedangkan sistem sedia ada cacat dan kemudahan kesihatan kerajaan

yang digunakan klinik swasta adalah terhad.

"Malah, makmal yang memproses ujian saringan COVID-19 sudah terlalu penuh. Jadi MMA mendapati dakwaan terhadap klinik dan hospital swasta ini amat membimbangkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Subramaniam berkata, berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) KKM, adalah menjadi tanggungjawab individu yang memproses sampel ujian saringan di makmal, melaporkan kes positif COVID-19 menerusi SIMKA.

Justeru, katanya, bagaimana seseorang individu itu boleh mendakwa kelewatan melaporkan kes positif menerusi SIMKA disebabkan kegagalan pengamal perubatan swasta, sedangkan 100 peratus proses saringan menggunakan RT-PCR dibuat di makmal.

"Saya berpendapat lebih adil jika pengamal kesihatan swasta

dimaafkan buat masa ini. Kita seharusnya bekerja secara berkumpulan dan tidak perlu menyalahkan antara satu sama lain.

"Malah, jika benar berlaku kelewatan melaporkan kes positif COVID-19, mengapa tiada tindakan diambil terhadap pihak kesihatan swasta ini. Di manakah penguatkuasaannya?" soalnya.

Amirudin dalam satu kenyataan sebelum ini dilaporkan berkata, peningkatan mendadak kes COVID-19 di Selangor berpunca daripada kes tertunggak kumulatif daripada saringan pekerja kilang, penjara, klinik dan hospital swasta yang tidak dilaporkan secara terus.

Sehubungan itu katanya, bagi mengatasi masalah itu, JKNS akan mengenakan kompaun kepada klinik atau hospital swasta yang tidak melaporkan kes positif secara terus pada hari yang sama melalui SIMKA.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 1 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor mahu bangunan bersejarah dipulihara
Muka Surat	:	7

# Sultan Selangor mahu bangunan bersejarah dipulihara

**Shah Alam:** Sultan Sharafuddin Idris Shah menasihatkan dan berharap agar pihak berkuasa berkaitan menjalankan pemuliharaan serta pemeliharaan lebih intensif terhadap bangunan bersejarah di Kuala Lumpur, khususnya yang ada kaitan dengan Selangor.

Dalam titah perutusan Sultan Selangor yang dikongsi di Facebook Selangor Royal Office semalam, baginda menegaskan, kebanyakan bangunan berkenaan memiliki nilai sejarah tinggi dan menjadi tumpuan pelancong.

Sultan Sharafuddin memberi contoh, Bangunan Sultan Abdul Samad dirasmikan pada 1897, pernah menjadi pusat pentadbiran ketika Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Selangor sehingga 1974.

Malah, baginda juga pernah bertugas sebagai penjawat awam bersama kerajaan Selangor di bangunan terbabit pada 1968.

“Baginda bimbang jika bangunan dan monumen seumpamanya tidak dipulihara secepat mungkin dan terbiar dimamah usia, akhirnya ia akan runtuh atau rosak sehingga tidak boleh diselamatkan.

“Jika itu berlaku, kos pemuliharaan akan menjadi lebih tinggi dan seterusnya merugikan negara,” titah baginda sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang disambut hari ini.

*Bangunan Sultan Abdul Samad antara monumen bersejarah yang perlu terus dipulihara.*



Titah baginda, bangunan bersejarah seperti Carcosa Seri Negara, Masjid Jamek Sultan Abdul

Samad, Gereja St Mary, Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu (KTM), Istana Negara lama serta Stadium Merdeka yang sarat dengan kisah sejarah pembentukan negara, kebanyakannya ada kaitan rapat dengan Selangor.

Selain itu, seni bina Moorish dan Moghul yang melatari reka bentuk bangunan bersejarah sekitar Kuala Lumpur juga mempunyai cerita unik tersendiri dan perlu dipulihara untuk dihargai serta dikagumi generasi akan datang.





**KERATAN AKHBAR**  
**1 February 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Manfaat kreativiti teknologi seni bina tangani impak banjir
Muka Surat	:	12

# Manfaat kreativiti teknologi seni bina tangani impak banjir

**Negara** kita kerap dilanda banjir terutama negeri Pantai Timur. Namun, corak taburan hujan dan kejadian banjir kini semakin sukar diramal.

Persoalannya, apakah cara untuk mengelakkan tragedi banjir daripada terus membelenggu penduduk setempat?

Sebagai kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT), apa pelan jangka panjang untuk mengawal dan membendung kejadian tidak diingini terus berlaku? Sebagai individu pula, apa boleh dilakukan?



**Dr Azizul Helmi Sofian**

"Banjir bukan musuh kita. Kita boleh 'berkawan' dengan banjir, kita boleh 'berkawan' dengan air," demikian kata pakar pakar rujuk seni bina landskap dari China, Prof Kongjian Yu.

Beliau memaklumkan, idea 'bandar span' sangat mudah. Berbanding menggunakan konkrit untuk mengalihkan aliran air hujan, beliau mencadangkan idea kreatif penggunaan alam sekitar untuk menyerap, membersihkan dan menggunakan air itu semula.

Yu menyatakan, apa yang dilakukan selama ini terutama dari segi perancangan bandar adalah salah, sebaliknya mencadangkan supaya bekerjasama dan memahami alam sekitar, bukan melawan fitrah alam.

Antara boleh diambil kira adalah konsep aliran air semula jadi. Teres mesra alam memberi peluang bumi (tanah) untuk bertemu dengan air secara semula jadi.

Pada musim panas, teres ini berfungsi sebagai taman untuk kegunaan penduduk setempat. Apabila musim hujan, ia bertindak sebagai penambat

banjir atau tanggam pembendung banjir.

Usaha ini sudah pun dibangunkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menerusi projek pembinaan Denai Sungai Nasional seluruh negara. Ia sebagai langkah mengatasi masalah pencemaran sisa di sungai melalui kaedah pengawalan pencemaran di punca.

Apabila landskap aliran sungai menjadi cantik dan bersih, orang ramai akan lebih menghargai dan menjamin kebersihan sungai itu sendiri, sekali gus bertindak sebagai tebatan banjir semula jadi.

Projek ini sewajarnya dijadikan projek komuniti berkelompok bagi memastikan ia dapat dilaksanakan segera dan berkesan, malah dengan kos rendah.

'Bandar span' pula meliputi dinding dan atap hijau, laluan atau jubin serap air dan bangunan mesra alam.

Kini, terdapat lebih 250 bandar span bekerjasama dengan kumpulan penyelidik diterajui Yu termasuk Amerika Syarikat (AS), Russia dan Indonesia.

Konsep 'bandar span' akan menjadikan struktur bandar raya lebih berdaya tahan.

Jepun, Korea dan Taiwan juga boleh dijadikan model pembangunan landskap sungai berjaya dan terbukti mampu menjadi 'span' semula jadi yang dapat menyerap aliran air berlebihan pada musim monsun dan taufan.

Konsep rumah terapung pula diperkenalkan sekumpulan arkitek United Kingdom (UK) dan Belanda bagi menjamin keselamatan penduduk di kawasan terdedah banjir ataupun kenaikan paras air laut.

Rumah atau kediaman dibina dengan konkrit dan rangka kaca dilettakkan atas tapak diperbuat struktur

ponton terapung.

Dek pelindung di bahagian bawah boleh dijadikan ruang tamu dan dapur, manakala bahagian atas dijadikan bilik tidur.

Apabila berlaku air pasang atau banjir, ponton akan mengikut kenaikan air dan menyelamatkan rumah daripada aliran air. Rumah berbentuk modular ini memudahkan kerja pengeluar secara besar-besaran dengan komponen lebih berdaya tahan dan fleksibel.

Sistem modular juga boleh memberikan kebebasan kepada arkitek untuk mempelbagaikan reka bentuk, sekali gus mengawal kos setiap unit kediaman dan boleh direka mengikut kemampuan serta cita rasa pembeli.

Peta *Hazard* Banjir juga penting bukan untuk menilai risiko banjir dan mengenal pasti lokasi potensi tebatan banjir, malah turut menyediakan maklumat penting kepada orang awam untuk bertindak segera dan selamat ke-

tika berlakunya bencana.

Peta ini seharusnya diuar-uarkan kepada umum melalui ketua penduduk di sesuatu kawasan, media massa, internet, sekolah dan sebagainya. Program kesedaran penduduk dan kesiapsiagaan penduduk bagi menghadapi banjir dapat mengurangkan kerugian kerosakan harta benda dan yang paling penting nyawa manusia.

Penggunaan inovasi terkini seperti *boxwall* dan *tube-wall* ciptaan syarikat Sweden boleh menampung air setinggi 50 sentimeter (SM) dan amat mudah dipasang, ringan serta mudah alih dan boleh dijadikan penambat banjir di sekeliling rumah.

Ciptaan penghadang banjir pada laluan pintu yang mudah dipasang juga lebih efektif berbanding penggunaan beg pasir memerlukan tenaga dan masa yang lama untuk dipasang.

Sewajarnya, inovasi teknologi yang dapat menyekat aliran air banjir daripada masuk ke rumah oleh anak tempatan harus dipacu dengan bantuan penyelidikan lebih menyeluruh.

Hasil penyelidikan seharusnya dikomersialkan bagi memastikan masalah aliran air banjir dapat diselesaikan sebagai langkah penyelesaian jangka pendek.

Dalam pada itu, pelan pembangunan bandar yang berdaya tahan adalah kritikal memandangkan intensiti hujan masa kini semakin tinggi akibat pemanasan global.

Lokasi pembinaan bangunan dan kedudukan faktor penting memastikan keselamatan sesuatu projek binaan.

Namun kadangkala, ketiadaan tanah dan pilihan memaksa penduduk memutuskan niat mereka menetap di sesuatu kawasan. Di sinilah pentingnya peranan kerajaan dan PBT untuk membina sistem aliran dan pengairan tebatan banjir bagi membendung bencana ini dalam jangka masa panjang.

Di kota metropolitan Tokyo contohnya, terowong aliran banjir bawah tanah terbesar di dunia dibina dan mampu menampung sehingga 200 tan air pada satu-satu masa. Di London pula, *Thames Barrier* atau sistem tebatan sungai Thames diakui projek sofistiked menelan belanja £461 juta pound.

Di Saint Petersburg, Russia sebuah kompleks fasiliti penambat banjir dibina bagi mengurangkan bencana banjir di bandar itu yang mencatatkan 340 kejadian banjir.

Apa pun, usaha pembangunan infrastruktur aliran dan tebatan banjir tidak akan berjaya sekiranya faktor pendorong banjir tidak dibendung dengan sistematik dan efisien, terutama aktiviti pembalakan secara tidak terkawal dan haram.

Realiti harus diterima, hutan adalah pasak bumi yang menjadi 'span' terbaik bagi menyerap aliran air hujan berlebihan.

**Usaha pembangunan infrastruktur aliran dan tebatan banjir tidak akan berjaya sekiranya faktor pendorong banjir tidak dibendung dengan sistematik dan efisien, terutama aktiviti pembalakan secara tidak terkawal dan haram.**



**Denai Sungai** Pengkalan Datu, Kubang Kerian, projek rintis Denai Sungai Nasional sebagai tebatan banjir semula jadi. (Foto hiasan)

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Universiti Malaysia Pahang (UMP)





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 February 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Hasil siasatan dibawa ke JAKIM
Muka Surat	:	19

Isu ajaran 'Agama Melayu'

# Hasil siasatan dibawa ke JAKIM

Isu bersifat nasional kerana ajaran mula menular ke negeri lain

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Hassan Omar  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hasil siasatan ajaran 'Agama Melayu' yang disifatkan bercanggah dengan al-Quran dan hadis akan dibentangkan ke jawatankuasa akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam tempoh terdekat.

Sambil menyuarakan kebimbangan berhubung ajaran sesat itu, Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid, berkata siasatan menyeluruh pihaknya ketika ini giat dijalankan.

Katanya, isu itu dibawa ke peringkat JAKIM kerana ia bersifat nasional, bukan lagi setempat berikutan kemungkinan ajaran itu turut disebarluaskan di negeri lain.

"Ajaran itu memang sesat. Saya tidak mahu komen panjang dan ia tidak perlu dihebohkan. Cukup saya katakan ia dalam siasatan, justeru biar ia dilaksanakan se-

cara menyeluruh.

"Kenapa kita bawa ke jawatankuasa akidah pada peringkat JAKIM? Sebab ini ialah isu nasional, bukan setempat dan mungkin berlaku (ajaran agama Melayu) di negeri lain juga.

"Saya yakin dengan mandat yang diberikan kepada pihak jawatankuasa, kajian lengkap berhubung isu ini berupaya dilakukan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Jumaat lalu, Yang Dipertua Yayasan Dakwan Islamiah Malaysia (YADIM), Nasrudin Hassan mengingatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan ajaran Islam Melayu yang dikenal pasti mula menular di beberapa negeri, termasuk Melaka dan Selangor.

Menggunakan lafaz syahadah yang pelik dan disambung dengan pengakuan 'aku Melayu' sebanyak tujuh kali, ajaran berkenaan didapati pernah menjalankan kegiatan di Pulau Besar, Melaka. Jabatan Agama Islam Selangor



Keratan akhbar BH kelmarin.

(JAIS) yang mengesahkan sudah menerima maklum balas berhubung dakwaan ajaran sesat itu turut meneliti isu terbabit, sebelum pihaknya mengambil sebarang tindakan lanjut.

Berdasarkan pemerhatian awal, Mohd Tamyas berkata, ajaran sesat yang dibawa seorang wanita itu banyak berdasarkan benda khurafat.

"Selagi mana dia ingin kembali

ke jalan benar, kita akan bimbing mereka ke jalan benar," katanya apabila ditanya bentuk tindakan lanjut, sama ada secara punitif atau didikan yang bakal diambil terhadap pengikut ajaran sesat berkenaan.

Di Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) sedang menyiak klip video dipercayai aktiviti pemujaan kumpulan tertentu yang dikatakan dilakukan di Pu-

lau Besar, Umbai, Jasin, di sini. Pengarahnya, Datuk Md Azhan Samat, berkata setakat ini pementauan dilakukan pegawai penguat kuasa jabatan itu di pulau berkenaan belum pernah terjumpa dengan kumpulan terbabit.

Beliau percaya kumpulan itu hadir di pulau berkenaan pada waktu tertentu, semata-mata untuk menjalankan aktiviti yang dikatakan terkeluar daripada landasan agama.

"Sehubungan itu, saya minta orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai kehadiran kumpulan ini atau kumpulan lain yang menjalankan aktiviti seumpama itu supaya segera melaporkannya kepada JAIM.

"Kerjasama ini amat penting kerana pegawai penguat kuasa kita (JAIM) tidak boleh sentiasa berada di pulau ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Klip video berdurasi lapan minit lima saat itu tular di media sosial Facebook dan aplikasi WhatsApp, dengan memaparkan beberapa individu melakukan upacara pualuan gonggong dipercayai ritual ajaran tertentu di pulau yang didakwa Pulau Besar.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 1 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pengisytiharan Wilayah Persekutuan
Muka Surat	:	7

### LIPATAN SEJARAH

## Pengisytiharan Wilayah Persekutuan

DETIK-detik penuh bersejarah upacara menandatangani perjanjian menjadikan Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan pada pukul 10 pagi di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Sultan-sultan dan raja Melayu beserta Yang di-Pertuan Agong menadah tangan memohon rahmat dan hidayah Allah setelah selesai upacara menandatangani Perjanjian "Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan". Dari kanan ialah Sultan Idris Iskandar (Sultan Perak), Tuanku Syed Putra Jamalullail (Raja Perlis), Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Sultan Selangor), Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Kedah), Sultan Abu Bakar (Pahang), Sultan Yahya Petra (Kelantan) dan Tuanku Jaafar (Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan).



Dapatkan maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn Bhd. Sebarang urusan pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi **03-74556428** atau email: [infocenter@mediamulia.com.my](mailto:infocenter@mediamulia.com.my)





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 February 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	KL dari kaca mata perantau
Muka Surat	:	16

# KL dari kaca mata perantau



**P**ADA 12 Januari lalu, sehari sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali kedua, saya mengambil peluang menyusuri jalan dan lorong yang menjadi urat nadi Kuala Lumpur. Ini sebahagian daripada cara saya meraikan tarikh 2 Januari sebagai ulang tahun ke-37 perantauan ke Kuala Lumpur. Apabila menapak di jalan-jalan sekitar Bukit Bintang, rasa seperti berada di Hong Kong. Ini Kuala Lumpur atau Hong Kong? Terlupa, ini kawasan Parlimen yang didominasi kaum Cina sejak lama. Ini wilayah kosmopolitan Cina dan Melayu hanya berlegar-legar sebagai pelanggan.

Bergerak pula ke Brickfields yang tidak jauh dengan stesen Kuala Lumpur Sentral. Di kiri kanan jalan ada deretan bangunan kedai lama dan tidak jauh dari situ ada kawasan yang disebut Little India. Memang betul-betul macam di India. Susah hendak mencari orang Melayu di situ kecuali yang hendak ke Kuala Lumpur Sentral.

Menyusuri Jalan Petaling tetapi lebih dikenali sebagai Petaling Street dan jalan-jalan sekitarnya adalah penempatan Cina. Pasar malam Jalan Petaling hampir tidak ada peniaga Melayu, semuanya Cina. Daripada jual buah-buahan hingga barangan jenama palsu, tidak ada penjual daripada kaum lain.

Kawasan majoriti Melayu tertumpu di Jalan Masjid India dan di Chow Kit. Malah, pasar basah Chow Kit lebih terasa kewujudan Melayu berbanding pasar basah Jalan Pudu. Inilah sebenarnya Kuala Lumpur di sebalik jendela kaca yang selalu dibuka kepada kita.

Wajah sebenar Kuala Lumpur terlindung di sebalik periklanan yang amat mempesona. Di sebalik bangunan-bangunan tinggi, moden dan mewah tersembunyi wajah sosial Kuala Lumpur yang sebenar.



**APALAH** ertinya Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan kalau kawasan segi tiga emas di tengah-tengah bandar raya ini hanya didominasi oleh satu kaum sahaja? - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Kemajuan pesat Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi tidak dinikmati secara bersama. Banyak yang mampu melihat daripada memiliki. Apakah tindakan pentadbir Kuala Lumpur?

### **POLARISASI**

Polarisasi kaum terus menjadi persoalan teras di Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan yang beridentiti dan didominasi kaum tertentu terus wujud dan tidak menjanjikan perubahan walaupun dalam jangka masa 30 tahun akan datang.

Pembangunan penempatan dan kediaman baharu juga kelihatan gagal merentas garis kaum apabila di kawasan yang majoriti Cina terus menjadi tumpuan Cina dan kawasan Melayu menjadi tumpuan Melayu.

Orang Melayu sebenarnya tertumpu di kawasan asal Melayu seperti Keramat, Kampung Baru, Kampung Pandan dan Lembah Pantai. Sementara orang Cina di kawasan-kawasan bandar yang komersial seperti Bukit Bintang, Cheras, Sungai Besi, Jalan Kelang Lama dan Seputeh.

Orang India di Brickfield, Sentul dan Segambut. Walaupun di kawasan-



**Kemajuan pesat Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi tidak dinikmati secara bersama. Banyak yang mampu melihat daripada memiliki."**

kawasan lain juga dihuni oleh orang India tetapi kawasan yang disebutkan majoritinya didiami oleh kaum berkenaan.

Saya melihat segmentasi penempatan kaum di Kuala Lumpur sebagai suatu yang tidak baik pada pembangunan sosio budaya dan politik wilayah ini. Kita perlu maklum, Kuala Lumpur bukan ibu negeri tetapi sebuah wilayah yang berada dalam tabdir urus Kerajaan Persekutuan.

Barangkali pentadbir Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang terhadap sosialisasi

warga Kuala Lumpur. Bagaimanapun sejak saya merantau ke Kuala Lumpur, segmentasi itu terus berlaku dari dulu hingga sekarang.

### **SEGI TIGA EMAS**

Apalah ertinya Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan kalau kawasan segi tiga emas di tengah-tengah Kuala Lumpur hanya didominasi oleh satu kaum sahaja? Pentadbir Kuala Lumpur mesti memainkan peranan untuk menjadikan pusat bandar Kuala Lumpur milik semua.

Hal-hal seperti ini mesti dirancang. Jangan membiarkan populasi sesebuah kawasan berlaku secara semula jadi atau organik. Memanglah pemilikan hartanah adalah perlumbaan terbuka, siapa mampu dialah yang punya.

Saya fikir pentadbir Kuala Lumpur perlu menghayati dan memahami matlamat di sebalik pengurniaan tanah seluas 223 ekar (90 hektar) di Kampung Baru kepada orang Melayu pada 1899 oleh Sultan Selangor, Sultan Alaudin Sulaiman Syah. Bayangkan kalau tidak ada Kampung Baru hari ini, kawasan metropolitan Kuala Lumpur tidak ada orang Melayu.

Kuala Lumpur bermula dengan kawasan lombong bijih timah oleh buruh yang dibawa dari China. Tetapi pada 1860 hingga 1880, berlaku peningkatan mendadak migrasi orang Cina di Kuala Lumpur, sekali gus bertambah ancaman kongsi gelap.

Penganugerahan tanah di Kampung Baru menghalang pergerakan keluar orang Melayu di Kuala Lumpur walaupun kemaraan pelombong-pelombong dari China sudah tidak terkawal. Kerana penguasaan Cina juga, sejarah pengasas Kuala Lumpur diberikan kepada Yap Ah Loy sedangkan sebenarnya Sultan Puaa daripada keturunan Mandailing.

Saya pernah tinggal di rumah setingan di Kampung Kerinchi. Majoriti masyarakat setingan pada 1980-an adalah Melayu. Mereka bukan golongan berada tetapi bekerja kais pagi makan pagi. Walaupun sudah ada flat tetapi tidak sesuai untuk keluarga yang besar. Tetapi apakah yang berlaku pada kawasan Melayu di Kampung Kerinchi?

Memang baguslah memajukan kampung setingan, tetapi yang berlaku ialah Kampung Kerinchi bukan lagi kawasan Melayu. Berapa orang yang mampu menyewa atau membeli hartanah di Kampung Kerinchi sekarang ini?

Saya fikir kalau bercakap mengenai pembangunan dan kemajuan Kuala Lumpur, jangan tertumpu pada infrastruktur sahaja. Memang benar bangunan pencakar awan tumbuh macam cendawan. Ketika saya mula bekerja dulu, bangunan tertinggi ialah Tabung Haji, kemudian menyusul bangunan Daya Bumi dan seterusnya Menara Maybank pada 1987.

Bangunan tinggi ini bukan tanda aras sebenar kemajuan dan pembangunan sosial, apa lagi jurang ekonomi antara kaum terus melebar. Jurang pemilikan hartanah Melayu dan Cina tetap macam langit dengan bumi.

Inilah persoalan yang lebih mendasar daripada berbangga melulu dengan infrastruktur Kuala Lumpur.

PENULIS ialah Editor Kuseman.com.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 February 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pelanggan terkejut Aina Mardhiah tukang rumah
Muka Surat	:	24



Aina Mardhiah turut melakukan sendiri kerja membina rumah baharu bersama pekerja-penolong kerjanya berkesannya di kawasan sesuai buat golongan lelaki.

## Pelanggan terkejut Aina Mardhiah tukang rumah

Oleh NOR ANNA HANZAM

Utusan@malayiakini.com.my

**B**ERANAS terkejut mendengar beban bahan pembinaan dan adukannya perlu menjangkit binaan tinggi.

Tidak ramai wanita yang mampu melakukan perkara tersebut. Apalagi lagi untuk dibuktikan sebagai kerjaya.

Namun tidak kepada dua lagi cabangnya, Aina Mardhiah Perdana, 52.

Beliau menyifatkan cabaran dihadapi dalam industri pembinaan rumah sebagai sesuatu yang sudah sebarati dengan dirinya.

Sementara itu, kerja kecil lagi sudah mengikat amah bapa, Perdana Adnan melakukan kerja pembinaan rumah.

Jadi, katanya untuk terlibat sama memantau dan membina projek rumah, bukannya satu pilihan yang baik ditanya.

"Bila terima projek bisa rumah dan mereka tahu kontrakturnya adalah penyelesaian, mereka terkejut. Ada yang mempersoalkan kemampuan saya menyelesaikan projek diberikan itu."

"Namun saya bukannya saya boleh menguruskannya. Memantau perkembangan projek kerutannya bagi

peringkat penting pembinaan struktur rumah membabitkan pembinaan asas konkrit, stumps, konkrit selangkulah ke proses pengubahsuaian," katanya kepada Utusan Malaysia.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kejuruteraan, Universiti Selangor (Unisel)) ini membina tingkah membina syarikat kontraktor rumah, AKZ Cahaya Enterprise sejak sembilan tahun lalu.

Syarikat itu diijazahkan semula dengan AKZ Cahaya Enterprise tahun lepas dengan pengilahan lain kerjanya, Hassan Mukomed, 27. Ia bagi menguruskan kerja pengurusan serta dokumentasi yang dilampirkan membina nama syarikat ke peringkat lebih tinggi.

Wanita berasal dari Johor Bahru ini membetulkan, beliau dan pekerja-penolong membina rumah baharu dalam tempoh masa dua ke tiga bulan bergantung kepada keadaan cuaca serta satu rumah.

**KUALITI**

Mengingat kualiti ditawarkan dalam setiap perkhidmatan rumah, beliau membetulkan, amat mementingkan aspek itu dalam setiap produk.



AINA MARDHIAH PERDANA

**Bila terima projek kontraktornya adalah perempuan, mereka terkejut. Ada yang mempersoalkan kemampuan saya menyelesaikan projek diberikan itu. Namun saya buktikan saya boleh menguruskannya."**

dibuktikan. Justeru katanya, sekiranya salah memperolehi dua kerja pembinaan rumah dalam setahun, selebihnya beliau akan memberikan fokus kepada projek kecil pula.

katanya, pengubahsuaian rumah, kerja pendawaan dan menhiasi pendaliran bina.

Sepanjang tahun lalu katanya, selain membina dua rumah baharu di Klang dan Seremban, beliau turut diberi tanggungjawab melaksanakan kerja pengubahsuaian reka bentuk di dalam lebih 10 rumah di sebuah taman perumahan di Seremban.



**PANDEMI**

Pandemik Covid-19 melanda dunia dan negara turut memberi tempat kepada AKZ Cahaya Enterprise apabila beberapa kerja pembinaan diwajibkan teruskan dibenarkan sekiranya terutamanya pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu.

Ragamnya, beliau lebih suka menganggotakan pendemik sebagai satu peluang untuk dirinya memperibadikan cabang perniagaan yang

dihantar 14 pekerja itu.

"Setelah itu pekerja saya berkuatkuasa menganggotakan sistem pendawaan elektrik dan pendaliran udara manakala sementara lagi bertanggungjawab dalam urusan ini baharu rumah dan dibina 'sua kerdas'," katanya.

Ia berikutan kerja-kerja pembinaan baharu

boleh disambung pada Julai.

Sepanjang tempoh berkesannya, Aina Mardhiah tampil dengan idea baharu untuk menggalakan projek sendiri menggunakan bahan organik.

Menyorot Aina Mardhiah, idea berkesannya mampu memana keuntungan tambahan. Di mana syarikat turut menawarkan khidmat samada dalam setiap projek diterimanya.

**Kerjaya mencabar**

"SEMANGAT kerjaya saya lakukan ini sangat mencabar. Namun sudah menjadi cita-cita saya sejak daripada kecil untuk belajar sebagai seorang kontraktor," katanya memberi maklumat berhubung pekerjaan dilakukan kerjaya ini.

Wanita berketurunan Melayu ini pada peringkat pengiraan diploma mengambil jurusan kejuruteraan perisian namun mengubah bahuannya semasa di peringkat matrikulasi dengan mengambil jurusan kejuruteraan awam.

"Saya bertuah memilih kerjaya yang sering memberikan gajilan dan wawasan penuh terhadap minat saya ini."

"Bagi saya sekiranya kita sudah meminati sesuatu kerjaya itu, tidak kira sama ada perempuan atau lelaki kita harus melakukannya sebagai peluang," katanya.



Aina Mardhiah Perdana berhubung dengan pekerja-penolong perkhidmatannya dalam pembinaan rumah di kawasan, Ampang Baiti, Selangor. (UTUSAN/NOR ANNA HANZAM)





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	PKP: Jangan ganggu, susahkan peniaga
Muka Surat	:	33

# PKP: Jangan ganggu, susahkan peniaga

**KAJANG:** Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya tidak mengganggu peniaga dan penjaja kecil di Pasar Pagi Bandar Sungai Long dan mengarahkan berpindah ke lokasi baharu yang tidak sesuai ketika mereka sedang bertungkus-lumus mencari pendapatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, tindakan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) baru-baru ini yang mengarahkan mereka berpindah dalam situasi sekarang menyusahkan peniaga dan penjaja terbahit

“Perkara ini memang boleh diatasi kalau benar-benar ambil berat masalah rakyat. Perlu ada dasar jelas untuk pihak berkuasa tempa-

tan (PBT) ketika PKP. Soal robohkan gerai dan pindah ini tindakan yang menyusahkan rakyat, kita minta hentikanlah,” katanya kepada pemberita ketika melawat Pasar Pagi Bandar Sungai Long di sini hari ini.

Peniaga dan penjaja Pasar Pagi Bandar Sungai Long membantah keputusan MPKJ yang meminta mereka berpindah ke lokasi pasar baharu sebelum 2 Mac ini

Bagaimanapun, kerajaan negeri akhirnya membuat keputusan untuk memberikan kebenaran berniaga untuk tempoh dua tahun sebelum berpindah ke lokasi baharu.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang menyifatkan keputusan itu lebih baik daripada memaksa peniaga berpindah dalam tempoh yang singkat.



**NOH Omar memberi insyarat 'bagus' kepada seorang peniaga ketika melawat dan mendengar rintihan peniaga di Pasar Pagi Sungai Long, Kajang semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 February 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sultan titah perhebat usaha pulihara bangunan bersejarah
Muka Surat	:	18

# Sultan titah perhebat usaha pulihara bangunan bersejarah

**Shah Alam:** Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu usaha memulihara dan memelihara bangunan bersejarah yang mempunyai kaitan dengan negeri itu khususnya di Kuala Lumpur diperhebat.

